Ringgit

OGOS 2012

RAKAN KEWANGAN ANDA

ISSN 2180-3684 • Bil 8/12 • KKDN: PP 16897/05/2013 (032581)

Rumah: Membeli Atau Menyewa?











di dalam RINGGIT bulan ini

- Langkah Menjamin Kestabilan Kewangan Untuk Pekerja Muda
- Tip Memilih Saham Syarikat Untuk Pelaburan
- Zakat Menyucikan Harta
- Insurans: Kepentingan Membuat Penamaan
- Senarai Peringatan Kepada Semua Pengguna Kewangan

ISSN 2180-3684
9 772180 368003

FOMCA
GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Sidang Redaksi

Penasihat
Datuk Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu bt Zakaria
Yu Kin Len

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang: www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel :03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 1D-1, Bangunan SKPPK
Jalan SS9A/17
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang: www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
ڤرچيتڤكن اساس جاي (مليسيا) سنديرين برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.



Rumah: Membeli Atau Menyewa?

Memiliki rumah sendiri merupakan suatu kebanggaan kerana hasrat dan matlamat anda telah tercapai, di samping berasa lebih terjamin kerana memiliki tempat tinggal untuk anda sekeluarga.

Apabila membeli rumah, anda berpeluang untuk meningkatkan nilai harta bersih sambil membayar balik pinjaman perumahan. Setiap pembayaran akan mengurangkan baki pinjaman dan juga meningkatkan ekuiti rumah anda (lebihan harga pasaran rumah tolak baki pinjaman). Membayar balik pinjaman juga membolehkan anda memohon pembiayaan semula, jika perlu. Walau bagaimanapun, pembiayaan semula harus dipertimbangkan sekiranya ekuiti rumah anda mencukupi dan juga pinjaman tersebut adalah berguna atau amat diperlukan.

Jika menyewa, kadar sewa boleh meningkat dari tahun ke tahun. Namun sekiranya anda membeli rumah sendiri, baki pinjaman pokok akan berkurangan setiap kali pembayaran dibuat. Tambahan pula, apabila pasaran hartanah meningkat, harga rumah anda juga turut meningkat sekiranya rumah anda terletak di lokasi yang strategik.

Walaupun membeli sebuah rumah merupakan suatu perkara yang hebat, tetapi bukan semua orang mampu melakukannya. Berikut adalah



"Jika menyewa, kadar sewa boleh meningkat dari tahun ke tahun. Namun sekiranya anda membeli rumah sendiri, baki pinjaman pokok akan berkurangan setiap kali pembayaran dibuat."

beberapa komitmen yang perlu diketahui tentang pembelian rumah:-

- Memiliki rumah memerlukan anda meluangkan banyak masa untuk menyelenggara dan membaik pulih rumah.
- Kekerapan membuat pengubahsuaian kecil boleh menambahkan kos perbelanjaan. Sebaliknya jika anda menyewa, perbelanjaan ini biasanya ditanggung oleh tuan rumah.
- Anda juga "terikat" dengan rumah anda kerana, tidak seperti seorang penyewa, anda tidak bebas berpindah ke mana-mana dan bila-bila masa sahaja.
- Jika berasa tidak sesuai dengan kejiranan yang ada, anda akan "terperangkap" dengan situasi itu sehinggalah harga rumah anda meningkat sebelum boleh menjualnya dan berpindah dari situ.
- Terdapat banyak kemungkinan yang boleh menyebabkan harga rumah jatuh. Contohnya, rumah anda mungkin terletak di kawasan yang sering dilanda banjir atau jalan utama yang menuju ke arah kawasan perumahan anda sesak kerana adanya pembangunan baru.

Panduan bila anda harus menyewa

- Apabila anda tidak mampu membayar ansuran pinjaman atau menyediakan wang pendahuluan untuk membeli rumah.
- Apabila anda menjangkakan pasaran hartanah akan menurun.
- Apabila anda masih mencari lokasi yang sesuai sebelum membeli.
- Apabila anda tidak mahu memikirkan tentang kos penyelenggaraan dan membaik pulih.

Sumber: Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit



"Memiliki rumah memerlukan anda meluangkan banyak masa untuk menyelenggara dan membaik pulih rumah."

Langkah Menjamin Kestabilan Kewangan Untuk Pekerja Muda



Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC) dengan kerjasama Citi Foundation telah melancarkan Laporan Kaji Selidik Perilaku dan Tabiat Kewangan Dalam Kalangan Pekerja Muda pada 5 Julai 2012. Kajian ini melaporkan 47% pekerja muda berumur 18 hingga 35 tahun mengalami masalah hutang yang serius sehingga terpaksa membelanjakan 30 peratus atau lebih daripada pendapatan kasar setiap bulan untuk membayar hutang. Kajian tersebut juga mendapati 37 peratus daripada golongan ini, mengalami masalah hutang akibat daripada tabiat berbelanja di luar kemampuan mereka, manakala 15 peratus pula tidak mempunyai tabungan langsung.

Hal ini menunjukkan kesedaran pekerja muda dalam pengurusan kewangan sangat membimbangkan dan perlu ditangani dengan segera. Berikut adalah langkah-langkah yang perlu dilakukan bagi mendorong pekerja muda ke arah kestabilan dan keselamatan kewangan pada masa hadapan:-

a) Mengutamakan dan tumpukan kepada perkara-perkara penting

Pekerja muda yang baru memasuki alam pekerjaan sudah tentu memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dalam menguruskan kewangan peribadi pada peringkat awalnya. Anda perlu menyenaraikan perkara-perkara yang paling utama yang ingin anda lakukan untuk menjamin kehidupan anda pada masa hadapan. Buat pilihan yang terbaik dan ambil langkah untuk sentiasa meningkatkan kedudukan kewangan anda. Kenal pasti matlamat, keperluan dan kehendak anda dan senaraikan mengikut keutamaan. Lakukan dengan jujur dan sabar kerana ia melibatkan keputusan kewangan anda akan datang.

b) Sentiasa membuat perancangan bagi setiap perkara

Merangka anggaran perbelanjaan adalah langkah terbaik untuk berbelanja secara bijak. Anda boleh menentukan keperluan anda dengan sumber kewangan yang terhad dan kehendak yang tidak terhad. Menurut Wong Keng Leong, Pengarah dan Pengurus bagi *Standard Financial Planner Sdn Bhd*, anda hendaklah menentukan anggaran perbelanjaan anda mengikut nisbah iaitu 20:10:10:60. Tentukan 20 peratus daripada pendapatan anda untuk pelaburan jangka panjang, 10 peratus untuk simpanan (termasuk simpanan kecemasan), 10 peratus lagi untuk perlindungan berisiko, seperti insurans dan 60 peratus untuk keperluan peribadi anda. Walau bagaimanapun, anggaran perbelanjaan anda hanya akan berjaya sekiranya anda berdisiplin mematuhinya. Langkah terbaik adalah bayar untuk diri anda dahulu. Ia bermaksud anda akan menyimpan sebahagian daripada gaji anda ke dalam akaun yang berasingan sebelum anda berbelanja.

c) Rancang apabila melibatkan perbelanjaan yang besar

Anda perlu merancang sebelum membuat keputusan melibatkan perbelanjaan yang besar, seperti membeli rumah, kereta, melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi dan lain-lain lagi. Anda perlu mendapatkan maklumat-maklumat berkaitan secara terperinci agar anda tidak ditipu oleh pemaju atau ejen penjual yang hanya ingin mengaut keuntungan semata-mata.

d) Memberi wang kepada ibu dan bapa

Walaupun ibu bapa anda tidak mengharapkan pengorbanan mereka semasa membesarkan anda dibalas dengan wang. Namun sebagai anak yang berjasa, anda perlu memperuntuk wang kepada ibu bapa. Sediakan tabung khas untuk ibu bapa anda pada masa hadapan, atau sekiranya diperlukan ketika kecemasan. Jumlah pemberian tersebut bergantung kepada kemampuan kewangan anda. Sekiranya anda tinggal bersama-sama keluarga, bantulah mereka membayar bil-bil utiliti atau membeli barang keperluan rumah. Hal ini dapat membantu anda, merancang perbelanjaan lebih baik apabila memasuki alam rumah tangga kelak.

Tip Memilih Saham Syarikat Untuk Pelaburan



Sehingga 18 Jun 2012, terdapat 928 buah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Antara ratusan syarikat atau kaunter tersebut, mana satu yang sesuai untuk anda melabur? Di sini disenaraikan ciri-ciri penting yang perlu diberi perhatian dalam memilih saham syarikat. Berpandukan kepada artikel ini, diharapkan anda dapat menilai syarikat dengan lebih baik, dan seterusnya membuat keputusan pelaburan yang bijak.

Memahami Perniagaan Sesebuah Syarikat

Sebelum melihat aspek pengiraan dan sebagainya, cuba lihat dan perhatikan produk-produk dan perkhidmatan yang digunakan setiap hari. Anda juga boleh melihat dalam surat khabar atau mana-mana sumber maklumat yang lain untuk mengetahui tentang prestasi syarikat tersebut. Syarikat manakah yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang paling anda suka? Apakah produk-produk yang memudahkan kehidupan orang ramai dan mempunyai nilai tambah berbanding produk lain? Syarikat-syarikat yang menjadi jawapan kepada persoalan di atas mempunyai peluang cerah untuk berjaya. Jika orang lain masih belum sedar mengenai syarikat tersebut, maka anda mempunyai peluang yang tinggi untuk mengaut keuntungan apabila membeli sahamnya. Pastikan anda membuat kajian-kajian lain sebelum melabur dalam syarikat tersebut. Mesej utama di sini ialah, sentiasa cari syarikat atau industri yang anda biasa dengannya ataupun mudah untuk difahami. Jika sukar bagi anda menerangkan perniagaan syarikat itu, maka elakkan daripada melabur dalam syarikat terbabit.

Menganalisis Sesebuah Syarikat

Anda kini sudah bersedia untuk beralih kepada perkara yang dipanggil analisis fundamental (*fundamental analysis)*. Terdapat beberapa petunjuk kewangan bagi sesebuah syarikat yang mampu memberikan gambaran tentang prestasinya.

1) Nisbah Harga Perolehan

Sebagai permulaan, maklumat yang perlu diperhatikan ialah nisbah harga perolehan sesebuah syarikat. Syarikat yang mempunyai nisbah harga perolehan yang lebih rendah berbanding dengan pasaran keseluruhan ataupun purata industrinya, menggambarkan bahawa saham syarikat tersebut masih terkurang nilai. Oleh itu, sekiranya purata industri ialah pada tahap 15 kali nisbah harga perolehan, anda bolehlah mengabaikan syarikat-syarikat kerana nisbah harga perolehan syarikat-syarikat tersebut melebihi 15. Ini menunjukkan harga saham syarikat-syarikat tersebut sudahpun berada pada tahap yang sama ataupun lebih tinggi daripada nilai pasaran dan boleh dikatakan mahal.

2) Permodalan Pasaran

Tentukan sama ada anda ingin melabur dalam syarikat bermodal besar atau kecil. Lazimnya, syarikat-syarikat besar dikatakan lebih berkemampuan untuk mengatasi saingan sengit dan dapat menikmati ekonomi ikut bidangan (*economies of scale*). Syarikat-syarikat kecil pula mempunyai kelebihan yang tidak dimiliki oleh

Syarikat manakah yang mengeluarkan produk atau perkhidmatan yang paling anda suka? Apakah produk-produk yang memudahkan kehidupan orang ramai dan mempunyai nilai tambah berbanding produk lain? Syarikat-syarikat yang menjadi jawapan kepada persoalan di atas mempunyai peluang cerah untuk berjaya.



syarikat-syarikat besar. Contohnya, mereka boleh menyesuaikan diri dengan perubahan dalam pasaran dan mempunyai kos tidak langsung *(overhead)* yang lebih rendah.

3) Rekod Prestasi

Anda juga perlu merujuk kepada rekod prestasi syarikat yang konsisten. Sekiranya sesebuah syarikat itu mampu menjana tahap jualan dan perolehan yang baik dan mengalami peningkatan dalam bahagian pasaran, kecuali untuk satu atau dua suku, yang disebabkan oleh keadaan keseluruhan pasaran, maka syarikat tersebut boleh dikatakan syarikat yang baik dan berpotensi.

4) Dividen

Anda juga perlu merujuk kepada kadar bayaran dividen yang diberikan oleh syarikat, sekiranya berminat dalam saham pendapatan. Pastikan kadar hasil dividen melebihi tahap inflasi untuk mengelakkan daripada perlunya naik nilai harga yang lebih tinggi. Ini bagi memastikan wang yang telah dilaburkan dalam saham-saham anda terus meningkat daripada segi nilai sebenar.

5) Pihak Pengurusan

Pastikan anda membaca seksyen analisis pihak pengurusan dalam laporan tahunan syarikat untuk memahami cara pengurusan syarikat terbabit, apa yang dianggap sebagai risiko dan langkah-langkah yang diambil untuk mencegah risiko-risiko tersebut. Pihak pengurusan yang baik akan sentiasa menjadikan nilai pemegang saham yang maksimum sebagai matlamat utama dan akan menunjukkan sikap yang penuh integriti dalam menguruskan syarikat. Syarikat yang diuruskan oleh pengurusan yang berkualiti tinggi akan mempamerkan prestasi yang baik, walaupun dalam suasana perniagaan yang amat sukar.

Dengan mengambil kira faktor yang telah dibincangkan, senarai syarikat untuk anda pilih telah menjadi lebih sedikit. Terdapat pelbagai faktor lain yang perlu diambil kira dalam memilih saham. Ini akan dibincangkan dalam artikel yang akan datang. Selamat berjaya dalam pelaburan!

Artikel perancangan kewangan dan pelaburan ini merupakan salah satu usaha berterusan SIDC dalam melahirkan pelabur yang arif dan berpengetahuan dalam pasaran modal. Selain itu, SIDC turut menganjurkan seminar dan bengkel pendidikan pelabur yang disasarkan untuk pelbagai lapisan masyarakat, seperti pelajar sekolah, pelajar institusi pengajian tinggi, ibu bapa, wanita, penduduk luar bandar, pekerja kolar biru serta kakitangan awam dan swasta. Untuk maklumat lanjut, layari www.min.com.my, hubungi 03-62048889 atau lawati Facebook www.facebook.com/BMWSIDC.



Zakat Menyucikan Harta

Zakat atau penyucian harta dalam istilah bahasa bermaksud bersih, suci, subur, berkat dan berkembang. Zakat boleh membersihkan harta dan diri orang kaya daripada bersifat kedekut dan bakhil. Dalam masa yang sama dapat mengekang sifat dengki dan dendam golongan miskin terhadap orang yang kaya. Zakat yang merupakan salah satu rukun Islam seharusnya menjadi satu motivasi bagi setiap Muslim untuk bekerja keras agar dapat membayar zakat.

Jenis dan Perkiraan Zakat

Terdapat pelbagai jenis zakat, seperti berikut:-

- Zakat emas dan perak
- Zakat wang simpanan
- Zakat pendapatan
- Zakat perniagaan
- Zakat saham
- Zakat KWSP
- Zakat padi

Syarat-syarat umum wajib membayar zakat seperti yang ditetapkan oleh Pusat Pungutan Zakat, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Malaysia seperti berikut:-

- **Islam**
  Zakat hanya dikenakan ke atas orang Islam. Bagi perniagaan perkongsian orang Islam dengan bukan Islam, hanya peratusan ekuiti orang Islam sahaja yang diambil untuk dikenakan zakat.

- **Merdeka**
  Hamba abdi tidak wajib berzakat, kecuali zakat fitrah. Walau bagaimanapun, tidak timbul persoalan hamba abdi masa kini, tetapi syarat merdeka masih lagi dikekalkan sebagai salah satu syarat wajib zakat.

- **Milik sempurna**
  Harta yang dimiliki mestilah sempurna dalam kekuasaan seseorang dan tidak bersangkutan dengan orang lain. Pemilik juga dapat

memperlaku dan memperoleh manfaat daripadanya.

- **Cukup nisab**
  Nisab adalah paras nilai minimum yang menentukan sama ada wajib atau tidak sesuatu harta dikeluarkan. Nisab adalah bersamaan dengan 85 gram emas nilai semasa.

- **Cukup Haul**
  Cukup haul bermaksud genap setahun harta disimpan.

- **Niat untuk Berniaga**
  Syarat ini hanya bagi zakat perniagaan sahaja.

- **Zakat emas** yang disimpan adalah 2.5% atas nilai emas yang disimpan untuk setahun iaitu nilai bersamaan atau melebihi 85 gram emas. Emas yang dipakai pula tidak dikenakan zakat jika kurang daripada *uruf*.

  Uruf bermaksud 'kadar perlepasan tertentu' yang dikenakan bagi pemakaian emas. Jika seseorang tinggal di negeri yang corak pemakaian emas adalah sedikit, maka uruf dalam menentukan kewajipan zakat emas bagi perhiasan tersebut adalah rendah; misalnya, 150 gram diwajibkan mengeluarkan zakat.

  Namun, bagi yang tinggal di negeri yang memang corak pemakaian emas perhiasannya lebih banyak, maka *uruf*nya juga lebih tinggi. Misalnya, perhiasan emas yang seberat 850 gram akan diwajibkan zakat.

Zakat wang simpanan adalah 2.5% atas baki terendah semua jenis wang simpanan dalam tempoh satu tahun selepas ditolak dengan dividen atau faedah.

Zakat pendapatan dan panduan pembayarannya seperti berikut:-

- 2.5.% atas jumlah pendapatan kasar, *atau*
- Membayar zakat setelah ditolak perbelanjaan-perbelanjaan asas yang dibenarkan, *atau*
- Membayar zakat setelah mengambil kira tanggungan sebenar.

Rebat cukai pendapatan

Di Malaysia, pembayaran zakat boleh mendapat rebat daripada cukai pendapatan individu. Oleh itu simpan resit pembayaran zakat dengan baik. Rebat ialah



potongan terus daripada jumlah cukai kena dibayar.

Zakat perniagaan mempunyai dua cara perkiraan untuk menentukan jumlah yang harus dikeluarkan. Satu berdasarkan kepada pertumbuhan harta dan satu lagi berdasarkan penggunaan modal. Zakat perniagaan boleh mendapat pengurangan cukai. Sila rujuk pusat zakat berdekatan dengan anda untuk mendapatkan perkiraan bagi perniagaan anda.

Zakat saham terbahagi kepada dua kategori:-

- Saham yang dimiliki sehingga hujung haul.
- Saham yang dijual beli sepanjang haul.

Untuk saham yang dimiliki sehingga hujung haul, 2.5% atas harga par atau harga terendah jika bawah par. Bagi saham yang dijual beli sepanjang haul, 2.5% atas nilai jualan saham-saham tersebut setelah ditolak kos belian.

Zakat KWSP dan tabungan jangka masa panjang yang lain yang "dipaksa" seperti Lembaga Tabung Angkatan Tentera, atau seumpamanya, dikenakan zakat mengikut kaedah-kaedah ini.:-

- 2.5% atas simpanan yang dikeluarkan setelah wang diterima, atau
- 2.5% atas wang simpanan KWSP bagi setiap pekerja mengikut penyata tahunan.

Zakat Padi adalah 5% daripada hasil yang diperoleh Nisab zakat padi 306 gantang bersamaan 1,306 kg atau 1.306 tan.

Sumber: Panduan Kewangan Peribadi dan Keluarga "Cukup Wang Hati Tenang untuk Semua" oleh Hajah Rohani Datuk Hj Mohd Shahir.

Insurans: Kepentingan Membuat Penamaan



Insurans hayat bertujuan untuk memastikan orang yang disayangi dilindungi dari segi kewangan jika terjadi sesuatu terhadap diri anda. Sekiranya anda tidak membuat penamaan dalam polisi insurans anda, maka syarikat insurans berhak untuk tidak melepaskan wang polisi sehinggalah orang yang disayangi itu mendapat Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian. Ini mungkin mengambil masa sehingga beberapa tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya ada penamaan, wang polisi boleh diagihkan dengan lebih cepat.

Bagi pemegang polisi yang bukan beragama Islam, suatu amanah akan diwujudkan untuk penama yang berkeadaan seperti berikut:-

- Jika penama adalah suami atau isteri atau anak pemegang polisi, atau
- Jika penama adalah ibu bapa pemegang polisi (dengan syarat tidak ada suami / isteri / anak yang masih hidup pada masa penamaan dibuat).

Polisi berkenaan dikenali sebagai polisi amanah. Sebagai polisi amanah, wang polisi tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia. Oleh itu, ia tidak tertakluk kepada hutang-piutang si mati.

Polisi amanah tidak diguna pakai bagi kes pemegang polisi yang beragama Islam. Penama bagi pemegang polisi yang beragama Islam menerima wang polisi hanya sebagai wasi dan ia mestilah mengagihkan wang itu mengikut undang-undang Islam.

Bilakah anda perlu membuat penamaan?

Sekiranya anda berumur 18 tahun ke atas, maka anda boleh menamakan seorang individu atau beberapa individu untuk menerima wang polisi apabila anda meninggal dunia. Penamaan biasanya dilakukan semasa membuat permohonan polisi insurans hayat atau pada bila-bila masa dirasakan perlu.

Bagaimanakah cara membuat penamaan?

- Isikan borang penamaan yang disediakan oleh syarikat insurans, yang biasanya memerlukan butir-butir penama, seperti nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran dan alamat.
- Pastikan borang penamaan ditandatangani oleh seorang saksi yang berumur 18 tahun dan ke atas, sempurna akal dan juga bukan penama anda.
- Pastikan syarikat insurans anda mengesahkan penamaan, sama ada di dalam dokumen polisi atau borang penamaan.
- Anda boleh menamakan lebih daripada seorang penama, dan nyatakan kadar bahagian hak bagi setiap penama.
- Jika anda tidak menetapkan kadar bahagian yang perlu dibayar kepada setiap penama, wang polisi akan diagihkan sama rata antara kalangan penama.

Siapakah yang boleh anda lantik sebagai penama?

Anda bebas untuk menamakan sesiapa yang anda kehendaki. Walau bagaimanapun, tidak semua penama akan menerima wang polisi secara benefisial atau untuk kegunaan mereka sendiri.

Dalam kes bagi pemegang polisi bukan seorang Islam, tertakluk kepada pertalian antara pemegang polisi dengan penama, seseorang penama boleh menerima bahagian wang polisinya, sama ada secara benefisial atau sebagai pemegang amanah atau wasi.

Peranan pemegang amanah

Pemegang amanah boleh juga dilantik untuk menerima wang polisi bagi polisi amanah. Apabila pemegang polisi meninggal dunia, tugas pemegang amanah ialah menerima wang polisi dan mengagihkan dengan sewajarnya kepada penama-penama. Pemegang amanah hendaklah bertindak bagi kepentingan penama pada setiap masa.

Menukar penamaan

Anda boleh meminda penamaan dengan menulis kepada syarikat insurans hayat anda. Penamaan yang terakhir akan menggantikan semua penamaan yang terdahulu. Penamaan akan dianggap batal apabila penama atau semua penama (jika lebih daripada seorang penama) meninggal dunia pada masa pemegang polisi masih hidup. Walau bagaimanapun, dalam kes polisi amanah, penamaan tidak boleh dibatalkan tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada pemegang amanah.

Apakah akan terjadi jika tiada penamaan?

Jika tiada penamaan dibuat, syarikat insurans akan membayar wang polisi kepada pemohon yang mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.

Walau bagaimanapun, syarikat insurans, atas budi bicaranya sendiri, boleh membuat bayaran kepada pihak yang menuntut tanpa memerlukan Perintah Probet bagi keadaan-keadaan berikut:-

- Jika pihak menuntut adalah suami / isteri, anak atau ibu bapa pemegang polisi, syarikat insurans boleh membayar kepada suami atau isteri, anak atau ibu bapa pemegang polisi mengikut aturan keutamaannya. Jika terdapat lebih daripada seorang dalam mana-mana kategori tersebut di atas, maka semua individu dalam kategori itu akan dibayar bahagian yang sama rata.

- Jika tiada suami / isteri, anak atau ibu bapa dan wang polisi tidak melebihi RM100,000, maka syarikat insurans boleh membayar wang polisi kepada seseorang yang syarikat insurans berpuas hati bahawa orang tersebut berhak dan berkemungkinan diberikan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau kepada seseorang yang syarikat insurans berpuas hati yang orang itu berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia.

- Jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu bapa dan wang polisi melebihi RM100,000:-

  > syarikat insurans boleh membayar RM100,000 yang pertama kepada seseorang seperti yang dinyatakan dalam perenggan di atas. Baki wang polisi akan dibayar kepada orang yang sama apabila orang itu mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.

  > Walau bagaimanapun, setelah tamat tempoh 12 bulan selepas bayaran RM100,000 pertama dibuat dan tiada tuntutan untuk baki wang polisi oleh sesiapa yang memegang Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, syarikat insurans akan membayar baki tersebut kepada orang yang telah menerima pembayaran pertama.

Jika tidak ada penamaan yang dibuat, orang yang menerima wang polisi hanya sebagai wasi dan ia hendaklah mengagihkannya mengikut wasiat si mati. Jika tiada wasiat, wang polisi tersebut akan diagihkan mengikut undang-undang pembahagian yang berkaitan.

Sumber : info insurans

Senarai Peringatan Kepada Semua Pengguna Kewangan



Bank Negara Malaysia telah mengeluarkan Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan. Senarai ini diperkenal bertujuan sebagai panduan dan rujukan segera bagi orang ramai apabila membuat keputusan berhubung dengan pelbagai perkhidmatan kewangan yang ditawarkan oleh pihak yang tidak berlesen.

Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan ini merujuk kepada senarai individu atau syarikat yang telah disalah anggap sebagai mendapat lesen atau dibenarkan oleh pengawal selia termasuk Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia, untuk menjalankan aktiviti perniagaan mereka.

Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan ini mengandungi maklumat syarikat atau individu yang tidak mendapat lesen daripada mana-mana pengawal selia dan pihak Bank Negara Malaysia telah menerima pelbagai pertanyaan mengenai mereka daripada orang ramai. Senarai ini bukanlah senarai sepenuhnya dan akan dikemaskinikan dari semasa ke semasa untuk rujukan orang ramai. Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi **BNMTELELINK** di talian **1-300-88-5465**. Senarai Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan ini boleh didapati di laman sesawang Bank Negara Malaysia **(www.bnm.gov.my/consumeralert)**.

Bank Negara Malaysia juga menyatakan bahawa orang ramai boleh membeli dan menjual emas. Walau bagaimanapun, orang ramai perlu berhati-hati terhadap pelbagai skim pengambilan deposit dan pelaburan haram, khususnya dalam logam berharga seperti emas, yang menjanjikan pulangan lumayan kepada pelabur. Skim-skim ini menawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek berserta opsyen belian balik emas tersebut. Skim-skim ini mungkin merupakan “skim cepat kaya” atau dipanggil “skim Ponzi”, yakni wang pelaburan yang terkumpul digunakan untuk membayar “pulangan lumayan” kepada pelabur lain. Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan, dan orang ramai mungkin kehilangan semua wang mereka.

Orang ramai dinasihatkan supaya menghubungi pihak berkuasa yang berkenaan apabila berurusan dengan syarikat atau individu yang menawarkan peluang perniagaan atau perkhidmatan kewangan yang kelihatan sangat menarik. Walau bagaimanapun, sebenarnya mereka tidak mendapat lesen daripada pihak berkuasa yang berkenaan.

Sumber : Bank Negara Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

ANDA MUNGKIN KEHILANGAN WANG ANDA!

Bank Negara Malaysia ingin mengingatkan orang ramai bahawa terdapat skim pengambilan deposit dan pelaburan haram yang kononnya menjanjikan pulangan yang lumayan buat pelabur.



Skim tersebut mengajak anda melabur dalam logam berharga seperti emas, perak atau pelaburan berkaitan dengan ternakan, tanah, komoditi dan pertukaran asing

Sesetengah daripada penganjur skim terus mengumpan pelabur dengan janji belian balik

Anda ditawarkan pulangan yang lumayan dalam tempoh masa yang pendek

Skim-skim tersebut dikatakan sebagai sah dan tidak mempunyai sebarang risiko

BERWASPADALAH!

Skim-skim tersebut mungkin merupakan satu lagi 'skim cepat kaya' atau dipanggil 'skim Ponzi'.

Wang yang anda laburkan mungkin digunakan untuk membayar 'pulangan lumayan' kepada pelabur lain.

Skim-skim sebegini adalah haram dan merupakan suatu penipuan. Anda mungkin kehilangan wang anda.

Sekiranya anda ragu-ragu, sila hubungi kami.

BNMTELELINK (Pusat Perhubungan Khidmat Pelanggan)
1-300-88-5465
Faksimile: 03-2174 1515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

Untuk menghantar pertanyaan atau aduan melalui SMS, taip **BNM TANYA [pertanyaan/ aduan anda]** dan hantar kepada **15888**

Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Peringatan kepada Semua Pengguna Kewangan yang terdapat di laman sesawang Bank Negara Malaysia
www.bnm.gov.my

BNMLINK (Pusat Perkhidmatan Pelanggan)
Bank Negara Malaysia Kuala Lumpur (Blok D, Jalan Dato' Onn, 50480) atau kunjungi mana-mana cawangan BNMLINK di Bank Negara Malaysia: Johor Bahru, Pulau Pinang, Kuala Terengganu, Kota Kinabalu dan Kuching **(Waktu urusan: Isnin - Jumaat, 9:00 pagi - 5:00 petang)**

Bank Negara Malaysia
Talian Tol : 1-300-88-5465
E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my
Laman web : www.bnm.gov.my

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK)
Talian Tol : 1-800-88-2575
E-mel : enquiry@akpk.org.my
Laman web : www.akpk.org.my

Persatuan Bank-Bank Malaysia (ABM Connect)
Talian Tol : 1-300-88-9980
E-mel : banks@abm.org.my
Laman web : www.abm.org.my

Biro Pengantaraan Kewangan (BPK)
Talian am : 03-2272 2811
E-mel : enquiry@fmb.org.my
Laman web : www.fmb.org.my

Sebarang maklum balas sila e-melkan kepada ringgit@crrc.org.my